



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 7 Oktober 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



**KPDN jamin bekalan barang
keperluan di Sabah cukup**

8

KPDN jamin bekalan barang keperluan di Sabah cukup

Kerajaan MADANI komited memastikan subsidi dinikmati secara adil

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA BELUD: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan bahawa bekalan barangan keperluan utama di Sabah, termasuk di kawasan pedalaman dan pulau-pulau, kekal mencukupi serta dijual pada harga kawalan yang ditetapkan kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Hajah Fuziah Salleh, berkata perkara itu dibuktikan menerusi hasil pemeriksaan di Point of Sales (POS) Pulau Mantanani, semalam, yang menunjukkan bekalan serta harga barangan utama terkawal.

Katanya, pemeriksaan dijalankan bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) dan BUDI 95, sekaligus memastikan rakyat di kawasan pedalaman turut menikmati manfaat subsidi kerajaan.

"Hasil pemantauan mendapati harga minyak petrol RON95 kekal RM1.99 seliter, sama seperti harga



PANTAU: Fuziah ketika turun padang memantau bekalan barangan keperluan di negeri Sabah.

di bandar-bandar utama di Sabah.

"Setakat ini, tiada kuota pembelian ditetapkan kepada individu, namun pengagihan bekalan dibuat secara berkelompok berdasarkan jumlah populasi penduduk di kawasan berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Fuziah berkata, KPDN Sabah kini mempunyai 205 pegawai penguat kuasa dan 72 pegawai pemantau harga

yang melaksanakan operasi secara berkala di seluruh negeri, termasuk di 78 zon pengedaran, 228 kawasan pengedaran dan 607 POS di bawah Program Pengedaran Barang Perlu.

"Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan keberadaan bekalan, pematuhan terhadap harga kawalan, serta kelancaran penghantaran oleh 59 syarikat pengangkut yang dilantik," katanya.

Beliau turut menegaskan

bahawa Kerajaan MADANI komited memastikan subsidi dinikmati secara adil oleh semua rakyat tanpa mengira lokasi, sama ada di bandar, luar bandar mahupun di pulau-pulau.

"KPDN akan terus memantau dengan rapi bagi memastikan harga kekal stabil dan bekalan sentiasa mencukupi. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membela kesejahteraan rakyat," katanya.



Kerajaan dijangka laksana sistem ID beli minyak paket

Cadangan elak pembelian berlebihan, penyeludupan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan dijangka memperluas pelaksanaan sistem berasaskan dokumen identiti (ID) dalam pembelian barangan bersubsidi, termasuk minyak masak bagi memastikan bantuan kerajaan sampai kepada golongan sasaran dan mengurangkan ketirisan yang semakin meruncit.

Menurut CGS International dalam laporan penyelidikan Pratonton Belanjawan 2026, kerajaan kini meneliti langkah memperkenalkan mekanisme pengesahan identiti digital, termasuk penggunaan aplikasi mudah alih bagi mengawal pembelian minyak masak bersubsidi di pasaran runcit.

"Kerajaan mensubsidi minyak masak satu kilogram dalam paket dengan kuota bulanan 60,000 tan pada harga RM2.50 berbanding harga pasaran RM6.90.

"Cadangan terkini membabitkan sistem berasaskan ID bagi mengelak pembelian berlebihan dan penyeludupan," katanya.

CGS International turut memetik kenyataan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bahawa satu aplikasi sedang dibangunkan bagi mengesahkan identiti pengguna sebelum pembelian dibuat, sekali gus menutup ruang ketirisan yang

selama ini berlaku pada peringkat pengedaran.

Langkah itu dilihat sebagai sebahagian daripada usaha rasionalisasi subsidi yang lebih menyeluruh, selepas kejayaan pelaksanaan mekanisme sama dalam sistem subsidi diesel bersasar untuk sektor pengangkutan dan nelayan di bawah inisiatif kad flot dan pengesahan digital.

Menurut CGS International, minyak masak adalah antara barangan keperluan yang paling banyak mengalami ketirisan ke negara jiran, terutama disebabkan perbezaan harga yang tinggi antara pasaran tempatan dan serantau.

"Data dalam Laporan Ketua Audit Negara 2025 menunjukkan dasar sedia ada bagi minyak masak bersubsidi masih belum menyeluruh dan membuka ruang kepada penyalahgunaan.

"Justeru, sistem berasaskan ID dijangka menjadi langkah penting ke arah kawalan subsidi yang lebih ketat," jelas laporan itu.

Agih semula kekayaan

Firma penyelidikan itu menambah, langkah memperkuat kawalan subsidi seperti ini seiring dengan agenda konsolidasi fiskal kerajaan bagi menurunkan defisit bajet kepada 3.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

pada tahun depan, berbanding 3.8 peratus pada 2025.

CGS International berpendapat bahawa strategi baharu ini akan membantu kerajaan menurunkan perbelanjaan subsidi keseluruhan kepada sekitar RM50 bilion tahun depan, berbanding RM60 bilion pada tahun ini, selaras dengan matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Langkah itu juga sejajar dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi MADANI yang menekankan pengagihan semula kekayaan secara saksama melalui bantuan tunai terus kepada isi rumah yang layak dan bukannya subsidi pukal yang sering disalahgunakan pihak tertentu.

"Pendekatan subsidi bersasar berasaskan data dan identiti digital adalah masa depan dasar sosial Malaysia. Ia memastikan bantuan sampai tepat kepada kumpulan memerlukan tanpa membebankan fiskal negara," menurut laporan itu lagi.

Selain minyak masak, CGS International turut menjangkakan subsidi diesel di Sabah dan Sarawak, serta bantuan bahan api kepada nelayan, turut akan melalui penyelarasan semula berasaskan ID, termasuk penggunaan teknologi pengecaman wajah bagi mengelak ketirisan.

“Pendekatan subsidi bersasar berasaskan data dan identiti digital adalah masa depan dasar sosial Malaysia. Ia memastikan bantuan sampai tepat kepada kumpulan memerlukan tanpa membebankan fiskal negara”

Laporan CGS International

Kerajaan mungkin laksana pembelian minyak masak bersubsidi guna pengesahan identiti

PETALING JAYA: Kerajaan dijangka melaksanakan sistem berasaskan pengesahan identiti (ID) bagi menghadkan pembelian minyak masak bersubsidi sebagai langkah menangani ketirisan.

- Menurut CGS International, kerajaan kini menanggung subsidi bagi minyak masak pekiet 1.0 kilogram (kg) dengan kuota bulanan sebanyak 60,000 tan, dijual pada harga RM2.50 se-

nit berbanding harga pasaran RM6.90.

"Pendedahan terkini dalam Laporan Ketua Audit Negara 2025 menunjukkan dasar semasa bagi minyak masak bersubsidi masih belum mempunyai pendekatan menyeluruh, menyebabkan berlakunya ketirisan.

"Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) baru-baru ini melaporkan

sedang membangunkan aplikasi yang akan memerlukan pengesahan ID untuk membeli pek minyak masak bersubsidi," katanya dalam laporan penyelidikan Pratonon Belanjawan 2026.

Firma itu berkata, berdasarkan akaun diaudit kerajaan, subsidi minyak masak di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak telah menelan belanja RM1.7 bilion pada 2023.

Mengulas mengenai subsidi diesel, firma itu berkata, pada Jun 2024, Malaysia telah menamatkan subsidi diesel menyeluruh bagi sektor pengangkutan melalui pelaksanaan sistem Kad Fleet.

"Namun begitu, Sabah dan Sarawak masih dikecualikan daripada rasionalisasi harga, dengan harga diesel kekal pada kadar subsidi RM2.15 seliter.

"Pengecualian ini mencer-

minkan cabaran unik yang dihadapi oleh rantau tersebut, termasuk peratusan tinggi kenderaan berkuasa diesel dan populasi luar bandar yang besar.

"Bagaimanapun, kami berpendapat bahawa langkah ke arah subsidi diesel yang lebih bersasar, serta usaha kerajaan untuk mengurangkan ketirisan, boleh diperluaskan ke kedua-dua negeri Borneo ini," katanya.

Liberty, KPDN lancar Pelan Insurans Rahmah

PETALING JAYA – Liberty General Insurance Berhad (Liberty), dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah memperkenalkan Pelan Insurans Rahmah.

Pakej ini menyediakan perlindungan yang bermakna dan mampu milik untuk semua.

Menurut kenyataan yang dike-

luarkan, pakej Insurans Rahmah oleh Liberty itu menawarkan penyelesaian ringkas namun berkesan untuk perlindungan kenderaan dan individu.

"Ia merangkumi dua produk utama iaitu auto365 Comprehensive Lite, perlindungan asas insurans kenderaan bermotor dan Insurans Kemalangan Diri Right Cover iaitu perlindungan ke-

malangan diri 24 jam di seluruh dunia terhadap kematian akibat kemalangan dan hilang upaya kekal.

"Kempen ini memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif rahmah kerajaan, sebuah program nasional yang memberi fokus kepada usaha menjadikan barangan dan perkhidmatan asas lebih mampu milik untuk

semua, khususnya golongan berpendapatan rendah," jelasnya.

Liberty berhasrat melalui produk ini, ia dapat merapatkan jurang antara kemampuan, keperluan dan akses, selain menarik perhatian rakyat yang tidak mempunyai perlindungan atau kurang dilindungi, termasuk pekerja gig, pemilik perniagaan kecil dan individu dalam kumpu-

lan B40.

Pelan Insurans Rahmah adalah sebahagian daripada komitmen jangka panjang Liberty untuk menjadikan insurans lebih mudah diakses.

Usaha ini merangkumi peningkatan kesedaran, pendidikan masyarakat dan galakan terhadap penggunaan pelan perlindungan yang ringkas dan mudah.

SELUDUP PETROL KE THAILAND

Raih RM3 untuk seliter **RON95**

Oleh Nor Fazlina Abdul
Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mendedahkan penyeludup yang menyeludup petrol ke negara jiran meraih keuntungan RM3 bagi setiap liter petrol.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, keuntungan yang lumayan itu antara faktor utama kegiatan penyeludupan terus berlaku walaupun kawalan ketat

sentiasa dipertingkatkan.

Katanya, tinjauan pihaknya di Selatan Thailand baru-baru ini mendapati harga petrol di negara berkenaan RM5.60 bagi satu liter iaitu jauh lebih mahal berbanding Malaysia.

"Harga yang jauh lebih mahal itu menyebabkan mereka memilih petrol dari Malaysia. Permintaan yang tinggi itu menggalakkan kegiatan penyeludupan dari terus berlaku.

"Bayangkan setiap satu liter mereka untung RM3 dengan menyeludup petrol RON95 tanpa subsidi iaitu RM2.60 satu liter.

"Untuk satu tong 30 liter

yang diseludup, mereka mengaut keuntungan RM90. Disebabkan itu walaupun mereka tidak dapat membeli dengan harga subsidi RM1.99 pun tidak mengapa kerana harga RM2.60 masih lagi dianggap murah berbanding petrol di Thailand," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah Madani di Kampung Pantai Mek Mas, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden ATH Group, Norlisan Ramzai.

Mengulas lanjut, pihaknya sentiasa mengadakan pemantauan dan risikan bagi mengekang kegiatan penyeludupan petrol ke negara jiran.

"Kita mungkin tidak mampu mengawal sepenuhnya dengan keadaan sempadan yang terbuka namun sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan kegiatan berkenaan," katanya.

Pada masa sama Azman berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ada pihak di sempadan yang sanggup memberikan dokumen pengenalan diri kepada kumpulan penyelu-

dup demi mendapatkan harga petrol subsidi.

"Tidak pelik jika situasi itu berlaku sebab mungkin ramai yang mempunyai lesen namun tidak mempunyai kenderaan.

"Namun bersubahat dengan kumpulan penyeludup dengan memberikan dokumen pengenalan diri adalah perbuatan yang tidak sepatutnya berlaku.

"Apa yang diberikan kepada kerajaan untuk membantu rakyat, bukannya untuk diseludup ke negara jiran," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, bekalan minyak masak paket dan petrol

bersubsidi di Selatan Thailand termasuk di pekan Sungai Golok tidak pernah terputus selain boleh diperolehi dengan jumlah yang banyak tanpa had.

Situasi itu sekali gus menyaksikan penyeludupan membabitkan barangan bersubsidi itu sentiasa berlaku walaupun kawalan di sempadan sentiasa dipertingkatkan.

Situasi itu jauh berbeza jika di bandingkan dengan Malaysia khususnya membabitkan minyak masak apabila had pembelian hanya dibenarkan dua paket setiap orang.

'Ada penduduk di sempadan bersekongkol selewang BUDI95'



KPDN Kelantan tidak menolak kemungkinan ada segelintir penduduk di kawasan sempadan sanggup memberikan MyKad mereka, sekali gus bersekongkol dengan penyeludup untuk menyeleweng subsidi negara melalui program BUDI95 ke Thailand.

KOTA BHARU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan tidak menolak kemungkinan ada segelintir penduduk di kawasan sempadan dipercayai sanggup memberi MyKad mereka sekali gus bersekongkol dengan penyeludup menyeleweng subsidi negara melalui program Budi Madani RON95 (BUDI95) ke Thailand.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, tindakan itu bagi membolehkan penyeludup membeli bahan bakar tersebut pada harga RM1.99 seliter di stesen minyak untuk meraih keuntungan berganda selepas dijual ke negara jiran.

"Tindakan memberi MyKad kepada penyeludup bukan dianggap kesalahan kerana ia hak pemilik kad, namun ia boleh membuka ruang ke-

pada kegiatan penyeludupan.

"Walaupun petrol bersubsidi kini berharga RM1.99 seliter, harga tanpa subsidi iaitu RM2.60 seliter juga masih tidak menjejaskan aktiviti penyeludupan kerana keuntungan yang diperoleh di negara jiran tetap tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah di Kampung Pantai Mek Mas di sini pada Isnin.

Menurut Azman, penyeludup boleh untung bersih sekitar RM90 bagi satu tong 30 liter, di mana margin keuntungan itu masih berbaloi bagi mereka walaupun harga dinaikkan kerana harga RON95 di Thailand sekitar RM5.30 seliter.

Ujarnya, KPDN terus giat men-

jalankan pemantauan di stesen minyak sekitar kawasan sempadan bagi memastikan bekalan petrol mencukupi untuk rakyat tempatan dan tidak dimanipulasi pihak tertentu.

Beliau memberitahu, walaupun RM2.60 bukan harga subsidi, minyak tetap dikategorikan sebagai barangan kawalan.

"Tanggungjawab kami adalah memastikan bekalan untuk rakyat mencukupi dan tidak diseleweng oleh penyeludup," katanya.

Tambah Azman, KPDN juga menerima rungutan daripada pengusaha stesen dan penyeludup yang mempersoalkan tindakan penguatkuasaan di sempadan, namun langkah itu penting bagi mengekang ketirisan dan memastikan keadilan kepada penerima sebenar manfaat BUDI95.



SALAH seorang penerima menerima replika kunci rumah selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah Madani di Kampung Pantai Mek Mas. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengesahkan sebanyak 10 kes membabitkan koperasi dan pasar raya menyalahgunakan jenama Jualan Rahmah ketika menganjurkan jualan barangan di beberapa lokasi di Kelantan.

Pengarahnya, Azman Ismail, berkata tindakan koperasi dan pasar raya berkenaan menggunakan istilah Jualan Rahmah itu bagi menarik perhatian orang ramai, sedangkan ia tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Kesan 10 kes salah guna jenama Jualan Rahmah

“Terdapat 10 kes yang kita kesan kononnya mengadakan Jualan Rahmah, sedangkan harga yang dijual tidak sebagaimana SOP Jualan Rahmah sebenar iaitu diskaun 30 peratus selain membabitkan barangan tertentu.”

“Jadi, orang ramai yang berkunjung di jualan berkenaan tidak ber-

puas hati kerana awalnya mereka menyangkakan jualan itu dianjurkan oleh KPDN, sebelum laporan dibuat kepada pihak kami,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah Madani

di Kampung Pantai Mek Mas, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden ATH Group, Norlisan Ramzai.

Mengulas lanjut katanya, susulan laporan yang diterima, pihaknya memberi amaran kepada koperasi atau pasar raya itu supaya menurunkan banting Jualan Rahmah supaya tidak mengelirukan orang ramai.

“Jika mereka mahu te-

ruskan jualan, perlu buang banting Jualan Rahmah kerana menggunakan istilah Jualan Rahmah itu sebenarnya bukanlah isu besar, namun harga yang dijual oleh mereka bukan harga Jualan Rahmah sebenar.

“Kes terbaharu yang kita kesan adalah di Kadok, Kerteh pada bulan lalu dan setakat ini selepas amaran diberikan, kesemua mereka patuh.

“Bagi mereka yang mahu mengadakan Jualan Rahmah boleh memaklumkan kepada kita dan perlu mengikut SOP ditetapkan,” katanya.

Harga yang dijual tidak sebagaimana SOP Jualan Rahmah sebenar iaitu diskaun 30 peratus

Salah guna label Rahmah, tawar harga biasa

KPDN kesan lebih 10 kes
melibatkan peniaga
di Kelantan

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengesan lebih 10 kes melibatkan peniaga yang didapati menyalahgunakan label Rahmah bagi tujuan menarik pembeli, namun menawarkan harga jualan biasa tanpa diskaun sebenar.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, penyalahgunaan itu dikesan melibatkan koperasi, kedai runcit dan mini market menumpang nama Rahmah bagi meningkatkan jualan.

Menurutnya, pihaknya menerima aduan daripada orang awam yang mendakwa terdapat peniaga menggunakan nama Rahmah pada jualan barangan keperluan asas, tetapi harga yang ditawarkan tidak selaras dengan inisiatif sebenar kerajaan.

"Apabila kita buat semakan, didapati peniaga terbabit tidak berdaftar di bawah program Jualan Rahmah.

"Mereka menggunakan perkataan Rahmah untuk menarik pembeli, sedangkan harga yang dijual adalah



Azman (dua dari kiri) bersama Norlisan (kiri) menyerahkan replika kunci kepada penerima pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah di Kampung Pantai Mek Mas, Kota Bharu pada Isnin.

harga biasa bukannya potongan 30 peratus yang diberikan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah yang turut dihadiri Presiden ATH Group, Norlisan Ramzai di Kampung Pantai Mek Mas di sini pada Isnin.

Azman berkata, hasil semakan mendapati sesetengah peniaga turut menjual barangan yang tidak termasuk dalam senarai 25 item asas di bawah inisiatif Rahmah seperti susu tepung, yang tidak dibenarkan dalam kategori tersebut.

Beliau berkata, apabila KPDN

membuat teguran, mereka menurunkan serta-merta perkataan Rahmah pada gerai atau kain rentang jualan.

"Setakat ini, kita beri nasihat terlebih dahulu dan sekiranya masih ingkar, tindakan tegas akan diambil," katanya.

Azman memberitahu, pihaknya akan terus melakukan pemantauan dan tindakan turun padang bagi memastikan tidak ada pihak mengambil kesempatan terhadap inisiatif murni kerajaan itu.

"Kita tidak mahu pengguna tertipu. Program Rahmah ini bertujuan membantu rakyat menikmati barangan pada harga lebih rendah, bukannya untuk dijadikan umpan pemasaran," katanya.



daripada pihak penganjur. itu penting bagi memastikan Belia Islam Malaysia (ABIM)



SERAH: Azman menyerahkan replika kunci kepada pemilik rumah Raja Zulmuawiyah Raja Hassan (kanan) sebagai simbolik penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahman Madani dibawah Inisiatif Payung Rahmah kerjasama bersama ATH Group di Kampung Pantai Mek Mah dekat Kota Bharu, semalam. Turut sama Presiden ATH Group Norlisan Ramzai (kiri). — Gambar bernama

KPDN terima lebih 10 laporan salah guna 'Jualan Rahmah' di Kelantan

KOTA BHARU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima lebih 10 laporan berkaitan penyalahgunaan jenama "Jualan Rahmah" di Kelantan, tahun ini.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata perkara ini timbul apabila pengusaha atau peniaga yang sengaja menggunakan jenama berkenaan untuk menarik perhatian pembeli, walaupun harga yang ditawarkan tidak mematuhi peraturan ditetapkan.

"Mereka (peniaga) ini suka-suka letak perkataan 'Jualan Rahmah' untuk tarik

perhatian pembeli dan harga yang diletakkan pun tidak mematuhi harga Rahmah untuk setiap barang ditawarkan antara 10 hingga 30 peratus.

"Terbaru, kita ada terima laporan daripada orang awam berhubung perkara ini di Kampung Batu 10, Kadok dan Langgar, Kota Bharu kerana barang-barang yang dijual itu tidak sama dengan harga telah KPDN tetapkan, dia letak harga biasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah MADANI di

Kampung Pantai Mek Mas, di sini semalam.

Sementara itu, mengenai majlis semalam, program Rumah Ihsan Rahmah MADANI membuktikan keupayaan sektor swasta dalam menyokong usaha kerajaan bagi memastikan rakyat di Kelantan mendapat kediaman selesai.

"Dengan sokongan padu daripada semua pihak, usaha ini bukan sahaja dapat meringankan beban kewangan rakyat tetapi juga membantu dalam pembangunan ekonomi yang lebih mampan di peringkat negeri dan nasional," katanya. — Bernama

Salah guna label Rahmah, tawar harga biasa

KPDN kesan lebih 10 kes
melibatkan peniaga
di Kelantan

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengesan lebih 10 kes melibatkan peniaga yang didapati menyalahgunakan label Rahmah bagi tujuan menarik pembeli, namun menawarkan harga jualan biasa tanpa diskaun sebenar.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, penyalahgunaan itu dikesan melibatkan koperasi, kedai runcit dan mini market menumpang nama Rahmah bagi meningkatkan jualan.

Menurutnya, pihaknya menerima aduan daripada orang awam yang mendakwa terdapat peniaga menggunakan nama Rahmah pada jualan barangan keperluan asas, tetapi harga yang ditawarkan tidak selaras dengan inisiatif sebenar kerajaan.

"Apabila kita buat semakan, didapati peniaga terbabit tidak berdaftar di bawah program Jualan Rahmah.

"Mereka menggunakan perkataan Rahmah untuk menarik pembeli, sedangkan harga yang dijual adalah



Azman (dua dari kiri) bersama Norlisan (kiri) menyerahkan replika kunci kepada penerima pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah di Kampung Pantai Mek Mas, Kota Bharu pada Isnin.

harga biasa bukannya potongan 30 peratus yang diberikan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Majlis Penyerahan Kunci Rumah Ihsan Rahmah yang turut dihadiri Presiden ATH Group, Norlisan Ramzai di Kampung Pantai Mek Mas di sini pada Isnin.

Azman berkata, hasil semakan mendapati sesetengah peniaga turut menjual barangan yang tidak termasuk dalam senarai 25 item asas di bawah inisiatif Rahmah seperti susu tepung, yang tidak dibenarkan dalam kategori tersebut.

Beliau berkata, apabila KPDN

membuat teguran, mereka menurunkan serta-merta perkataan Rahmah pada gerai atau kain rentang jualan.

"Setakat ini, kita beri nasihat terlebih dahulu dan sekiranya masih ingkar, tindakan tegas akan diambil," katanya.

Azman memberitahu, pihaknya akan terus melakukan pemantauan dan tindakan turun padang bagi memastikan tidak ada pihak mengambil kesempatan terhadap inisiatif murni kerajaan itu.

"Kita tidak mahu pengguna tertipu. Program Rahmah ini bertujuan membantu rakyat menikmati barangan pada harga lebih rendah, bukannya untuk dijadikan umpan pemasaran," katanya.



CLEARING UP DISCREPANCY

TARGETED FUEL SUBSIDY REFLECTED IN RECEIPT

Pump price and that shown on receipt an intended feature to show how subsidy mechanism works



ALLISA FUAD
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SINCE the implementation of the Budi Madani targeted fuel subsidy initiative for RON95 petrol (Budi95), many motorists have expressed confusion over discrepancies between the pump price and the amount printed on their receipts.

The issue has sparked widespread discussion on social media, with some users questioning the fairness and transparency of the system.

However, the government has clarified that the discrepancy does not indicate any wrongdoing or overcharging by petrol stations.

Instead, it is an intended feature of how the targeted subsidy system operates.

Under the Budi95 initiative, all

RON95 pumps nationwide are calibrated to reflect the unsubsidised market price of RM2.60 per litre.

This setting enables the system to distinguish between eligible and non-eligible users during each transaction.

HOW THE PRICING WORKS

When a motorist fills up their vehicle tank, the fuel pump initially records the transaction based on the unsubsidised market price of RON95 petrol, currently set at RM2.60 per litre under the Automatic Pricing Mechanism (APM).

If the customer is eligible for the Budi95 targeted subsidy, the discount is applied after payment is processed, and the final subsidised amount is reflected on the receipt.

In simple terms, the pump

shows the actual market price, while the receipt displays the subsidised price of RM1.99 per litre after Budi95 subsidy is applied.

For example, if a customer who's eligible for Budi95 spends RM50 on RON95 petrol, the volume of petrol purchased is calculated based on the subsidised price. RM50 divided by RM1.99 equals roughly 25.12 litres.

The market value of that amount of fuel would be 25.12 litres multiplied by RM2.60, which equals RM65.33.

This means the government effectively subsidises RM15.31 for that single transaction.

According to the Finance Ministry and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, this pricing mechanism is designed to promote transparency, as all users can see the actual, unsub-



Q: Why are the pump display and receipt prices different?

A: The screen on the pump display shows the market price of RON95 without subsidy (RM2.60 per litre). The receipt shows the subsidised price (RM1.99 per litre) after the Budi95 subsidy is applied.

Q: Am I being overcharged?

A: No, the system first records the market price, then automatically deducts the subsidy if you are eligible, which means you only pay the subsidised amount.

INFOGRAPHIC NST

sidised price displayed on the fuel pump.

At the same time, it ensures that subsidies are directed only to eligible individuals, who automatically receive the price deduction at the point of sale.

Crucially, the system prevents price manipulation by petrol station operators, who no longer need to maintain two separate prices at the pump, one for subsidised customers and the other for non-subsidised customers.

The automatic deduction mechanism also means that motorists no longer have to file manual subsidy claims or wait for reimbursement.

Nevertheless, the system's design has led to some misunderstanding among the public, particularly when motorists notice the higher figure on the pump display and are unaware that the subsidy is only reflected on the receipt after payment.

Social media posts have also contributed to the confusion, with several posts showing only the pump display without the accompanying receipt, leading some users to mistakenly believe that they were overcharged.

Authorities have since advised motorists to always keep their fuel receipts after refuelling, as the amount in the receipt accurately reflects the actual amount paid after subsidy deductions, and the receipt provides the clearest

proof of the subsidised amount.

Officials also reiterated that the Budi Madani initiative is designed to ensure that fuel subsidies benefit those who genuinely need them, and not be misused or channelled across the border.

This targeted approach is part of the government's broader effort to strengthen fiscal responsibility while continuing to protect lower- and middle-income groups from the rising cost of living.

In recent months, more than half a million eligible vehicle owners have registered under the Budi Madani initiative, which integrates data from various government agencies to determine eligibility.

Although the system is still new, public understanding is expected to improve over time as more motorists become familiar with how the targeted fuel subsidy is applied.

The government continues to run informative campaigns and reminders through social media and official platforms to dispel misconceptions and ensure smoother implementation nationwide.

Ultimately, what appears to be a discrepancy at the pump is a reflection of a more targeted and transparent subsidy mechanism that ensures eligible Malaysians can enjoy lower fuel prices without compromising transparency.



A customer filling up her vehicle tank at a petrol station in Cyberjaya. NSTP FILE PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

彭內貿局今登記 汽油補貼管控系統

(关丹6日讯) 彭亨国内贸易及生活费局将于明日(7日)上午, 在关丹英迪拉马哥打青年大厦C座楼举行一场汽油补贴管控系统(SKPS)现场登记活动。

为确保符合资格的交通业者获得政府提供的RON95汽油补贴, 彭内贸局促相关已注册的交通营运公司, 于明日早上9时至下午1时, 前往现场登记。

该局通过官方脸书专页发文指出, 相关活动的登记对象涵盖多个交通领域, 其中包括9种公共交通工具类别以及12种陆路货运车辆类别。

申请资格包括: 公司须已在马来西亚注册、车辆为公司名下资产、拥有有效的路税以及车辆须属于SKPS所列可受惠类别。

同时, 相关公司也可通过网页: mysubsidi.kpdn.gov.my 进行登记, 或致电09-571 7777/78查询详情。

驾驶者遇BUDI95系统故障 傅芝雅：可申请退款

（吉隆坡 6 日讯）国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅指出，若驾驶者因加油站技术故障而被迫以非补贴价购买 RON95 汽油，可向政府申请退款索回价差。

她表示，自上周二推行“昌明惠泽 RON95 计划（Budi95）”以来，全国整体运作顺畅，仅出现少数技术问题，并已迅速获得解决。

“确实有一些投诉，比如系统暂时中断，但都及时处理。不过，如果驾驶者因此而支付了非补贴价 RON95 汽油，他们可提出退款申请。”

傅芝雅指出，民众及商家可于 10 月 9 日起，通过网站 <https://mysubsidi.kpdn.gov.my> 申请退款，须附上购买证明（如 RON95 收据副本），退款申请涵盖 9 月 30 日至 10 月 31 日期间的非补贴 RON95 购买记录。

她补充，商家申请退款前，必须先注册“汽油补贴管制机制（SKPS）”，并在 10 月 31 日或之前申请车队卡（fleet card），方符合资格。

经贸消部核实及批准后，退款将于 15 个工作日内汇入申请者银行账户。

若有进一步疑问，可致电 SKPS 热

线：03-88825893/5894/5923/6667，或电邮至：bayaranbalikmysubsidi@kpdn.gov.my 查询。

傅芝雅也透露，自 Budi95 计划启动以来，企业注册 SKPS 的反应仍然冷淡，

目前仅有约 25% 的合格商家完成注册。

“我们正在与相关团体如的士公会沟通，鼓励他们尽快注册以享有汽油补贴。即使迟注册者，只要能出示汽油购买收据，仍可申请自 10 月 1 日起回溯补贴。”

她是在出席吉隆坡甘榜拿督克拉末斯里柏丽丝二期人民组屋举办的“数码厨房（Dapur Digital）”活动时，如是表示。

同时，她提醒公众，外国注册车辆不得使用补贴 RON95 汽油，并呼吁民众若发现相关违规行为，可立即向贸消部举报。#



民众及商家可于 10 月 9 日起，通过网站 申请退款。



■載客快艇屬服務性質行業，因此業者認為應享有政府燃油補貼。

無需添貴油當然好 快艇業者促速說明機制

報導 張淑媚



Manfaat Rakyat
**BUDI MADANI
RON95**

仁政昌明95汽油補貼機制

(巴生6日訊)
吉胆島載客快艇業者終於迎來好消息，可享有RON95燃油補貼，讓業者大呼鬆了一口氣；惟他們對相關機制仍感到困惑，希望當局盡快作出詳細說明。

早前，吉胆島載客快艇業者申訴，他們未被列入“仁政昌明RON95津貼計劃”（BUDI 95）名單，無法以每公升1令吉99仙的價格添油，只能購買每公升2令吉60仙的“貴油”。

日前，國內貿易及生活成本部長拿督阿米占指出，政府已同意將RON95燃油補貼範圍擴大至使用RON95燃油的公共客運船公司，具體機制將另行公布。

《中國報》記者就上述課題訪問客船業者，他們紛紛表示，政府將客船業者納入“仁政昌明RON95津貼計劃”名單，固然是件好事；在獲得燃油津貼後，他們也就無需再添“貴油”，也能減輕日常營運負擔和高昂的燃油成本。

不過，他們也指出，儘管政府已同意讓他們享有RON95汽油補貼，但至今仍未詳細說明業者可獲多少公升的補貼，因此難免感到擔憂；若與普通民眾一樣僅獲300公升的汽油配額，將遠遠不夠應付每日的營運需求。

冀檢視配額

他們指出，客船公司屬服務業性質，每艘客船平均每天往返3至4趟，每趟需耗約120公升燃油，一天的燃油使用量超過300公升；若遇上農新年或公共假期，更可能往返7至8趟，使用的燃油也隨之倍增。

他們說，根據“仁政昌明RON95津貼計劃”（BUDI 95），政府設定300公升燃油為頂限，是以一般民眾每月的使用量為基準，但對載客快艇業者而言，燃油使用量遠超數倍，因此希望政府能重新檢視相關配額，確保補貼真正符合產業實際需求。



■政府同意將RON95燃油補貼範圍擴大至公共客運船公司後，巴生南港吉胆島客運碼頭3家提供客運船服務公司將從中受惠。

宋奇才：業者須註冊登記

馬六甲華加埔區會主席宋奇才指出，在仁政昌明95汽油補貼機制（BUDI 95）下，符合資格的客船公司業者都享有RON 95燃油補貼，惟前提是業者必須自行前往國內貿易及生活成本部網站，進行註冊、登記。

他受詢時說，早前與馬六甲副總會長曾拿劉亞強及快艇業者召開記者會，反映業者無法獲得津貼後，貿消部隨即關注該問題，讓他欣慰民聲終於獲得回應。

他說，快艇業者必須持有船牌、營業執照、駕駛執照等，才算是符合資格。

他說，如果快艇業者沒在這項機制下獲得補貼，對他們而言會是一個沉重的負擔，快艇業者從巴生到吉胆島來回，就要耗掉300公升的汽油。

甲洞烏魯新村宜信烏達瑪路



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Subsidi produk petroleum tertinggi tahun lalu cecah RM34.9b

Kuala Lumpur: Perbelanjaan subsidi yang dikenakan kepada perbelanjaan (Vot) mengurus pada tahun lalu berjumlah RM41.939 bilion, menurun RM7.251 bilion atau 14.7 peratus berbanding RM49.190 bilion pada 2023.

Penurunan ketara itu disebabkan pelaksanaan penyasaran semula subsidi oleh Kerajaan Persekutuan, menurut Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 yang disiarkan di laman web LKAN semalam.

Daripada jumlah itu, perbelanjaan subsidi tertinggi adalah bagi barangan produk petroleum yang mencatatkan RM34.906 bilion atau 83.2 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi.

Subsidi produk petroleum ini membabitkan petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang dibekalkan oleh 16 syarikat pengeluar.

Bayaran balik di bawah Sistem Kawalan Diesel Ber-



SUBSIDI produk petroleum membabitkan petrol, diesel dan LPG dibekalkan oleh 16 syarikat pengeluar.

subsidi (SKDS) yang berkuat kuasa pada 10 Jun tahun lalu turut diberikan kepada 2,982 penerima layak dengan jumlah keseluruhan RM7.94 juta.

Subsidi terbabit dibayar berdasarkan perbezaan antara harga jualan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan harga sebenar pasaran.

Pada tahun lalu, purata harga minyak mentah dunia direkodkan pada paras AS\$80.818 setong, lebih rendah berbanding

AS\$82.638 setong pada 2023. Bagaimanapun, harga jualan yang ditetapkan kerajaan kekal tidak berubah.

Trend perbelanjaan subsidi kepada Vot Mengurus dalam tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan ketara antara 2020 hingga 2022 sebanyak RM50.784 bilion atau 1,090 peratus, sebelum menurun dalam dua tahun berikutnya kepada RM41.939 bilion iaitu penurunan sebanyak RM13.504 bilion atau 24.4 peratus.

Subsidi produk petroleum RM34.9b

Perbelanjaan subsidi yang dikenakan kepada perbelanjaan (Vot) mengurus pada 2024 berjumlah RM41.939 bilion, menurun sebanyak RM7.251 bilion atau 14.7 peratus berbanding RM49.190 bilion pada 2023.

Penurunan ketara itu disebabkan pelaksanaan penyusunan semula subsidi Kerajaan Persekutuan, menurut Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 yang disiarkan di laman web LKAN, semalam.

Daripada jumlah itu, perbelanjaan subsidi tertinggi adalah bagi produk petroleum yang mencatatkan RM34.906 bilion atau 83.2 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi.

Subsidi produk petroleum membabitkan petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang dibekalkan oleh 16 syarikat pengeluaran.

Bayaran balik di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) yang berkuat kuasa pada 10 Jun 2024 turut diberikan kepada 2,982 penerima layak dengan jumlah keseluruhan RM7.94 juta.

Subsidi terbabit dibayar berdasarkan perbezaan antara harga jualan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan harga sebenar pasaran.

Bantuan mikro bantu peniaga bertahan



- Belanjawan 2026 diharap terus bantu peniaga luar bandar
- Mahu subsidi bahan mentah dikekalkan

Oleh NORFARHIZA MOHD. ATAR,
AIMUNI TUAN LAH, ROHANA
MOHD. NAWI dan AZAHAR
HASHIM

PETALING JAYA - Golongan peniaga kecil luar bandar mengharapkan Belanjawan 2026 memberi tumpuan terhadap pengukuhan subsidi dan bantuan mikro bagi membantu mereka terus bertahan dalam situasi kos sara hidup yang semakin meningkat.

Mereka juga mahu pelbagai insentif baru terus diberikan bagi menjamin kelangsungan perniagaan masing-masing.

Di **Lipis, Pahang**, seorang peniaga kedai makan, Zabidah Shod, 58, berkata, dia mengharapkan bantuan tunai dan subsidi bahan mentah dikekalkan bagi kelangsungan perniagaan kecil dalam keadaan ekonomi



WAN HASSAN berniaga roti canai di kedainya di Bandar Baru, Gua Musang semalam. - AIMUNI TUAN LAH

yang mencabar.

"Sekarang harga barang naik, minyak masak pun kadang-kadang susah nak dapat harga patut. Harap kerajaan boleh teruskan bantuan bersasar untuk peniaga macam kami, sekurang-kurangnya boleh ringan sikit beban.

"Subsidi ini bagus, tetapi biarlah sampai kepada peniaga kecil macam kami. Kalau harga bahan mentah stabil, peniaga pun boleh hidup," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, Siti Nur Ma-

munah Samah, 24, pengusaha kedai makan di Pekan Benta pula berharap, kerajaan mempertimbangkan bantuan khas bagi menampung kos bayaran suntikan tifoid yang kini menjadi kewajipan kepada peniaga makanan.

"Sekarang, cucuk tifoid pun dah dekat RM100 seorang. Kalau ada tiga pekerja, sudah cecah RM300. Kalau kerajaan boleh bantu dari situ, sekurang-kurangnya dapat kurangkan beban kami.

Di **Kulim, Kedah** pula, penia-

ga kedai runcit, Nurmuniarah Mohamad, 32, berkata, harga barangan ketika ini masih berada pada tahap konsisten, namun kerajaan digesa terus menyalurkan bantuan atau insentif bagi meringankan beban kos sara hidup.

"Kekalkan program seperti Jualan Rahmah beri kesan positif kepada pengguna dan jualan itu menaikkan perniagaan kami," ujarnya.

Peniaga roti canai di **Gua Musang, Kelantan** mengharapkan kerajaan terus memberi pene-



NURMUNIRAH

kanan berkaitan kebajikan termasuk bantuan ketika mereka berdepan kerugian akibat bencana alam.

"Saya berharap kerajaan dapat meringankan kerugian yang terpaksa ditanggung peniaga yang terjejas dengan bencana alam seperti ribut dengan memberi bantuan tunai.

"Bantuan itu dapat meringankan beban untuk kami terus menjalankan perniagaan," kata Wan Hassan Wan Omar, 70.

Di **Kota Bharu** pula, seorang lagi peniaga roti canai berharap kerajaan menyediakan bantuan khas kepada peniaga kecil berikutan harga bahan mentah meningkat dari semasa ke semasa.

Asmah Che Man, 61, berkata, dia meminta agar kerajaan sediakan peruntukan khas kepada peniaga pada pembentangan Belanjawan 2026 nanti.

"Harap tiada yang ditarik tetapi ditambah dalam belanjawan Jumaat ini," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 OKTOBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Oct	KPDN jamin bekalan barang keperluan di Sabah mencukupi	https:// www.utusanborneo.com.my/2025/10/06/kpdn-jamin-bekalan-barang-keperluan-di-sabah-mencukupi	UTUSAN BORNEO
7-Oct	Kerajaan dijangka laksana pengesahan ID beli minyak masak bersubsidi	https:// www.bharian.com.my/ bisnes/lain- lain/2025/10/1454823/ kerajaan-dijangka-laksana-pengesahan-id-beli-minyak-masak	BERITA HARIAN
7-Oct	KPDN Labuan perkasakan pemantauan BUDI95 dan SKPS di Stesen Minyak	https:// www.borneodailybulletin.co m/kpdn-labuan-perkasakan-pemantauan-budi95-dan-skps-di-stesen-minyak/	BORNEO DAILY
7-Oct	KPDN Kelantan kesan peniaga salah guna label Rahmah, tawar harga biasa	https:// www.sinarharian.com.my/ ampArticle/751128	SINAR HARIAN
7-Oct	KPDN Kelantan kesan 10 kes salah guna Jualan Rahmah	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/10/1272135/ kpdn-kelantan-kesan-10-kes-salah-guna-jualan-rahmah	HARIAN METRO
7-Oct	Kelantan KPDN records over 10 cases of 'Jualan Rahmah' label misuse	https://thesun.my/malaysia- news/kelantan-kpdn- records-over-10-cases-of- jualan-rahmah-label-misuse- -CA15040406	THE SUN
7-Oct	'Ada penduduk sempadan bersekongkol dengan penyeludup, beri MyKad untuk BUDI95' - KPDN	https:// www.sinarharian.com.my/ ampArticle/751137	SINAR HARIAN
7-Oct	Claims for fuel refund open Oct 9	https:// www.thestar.com.my/news/ nation/2025/10/06/claims- for-fuel-refund-open-oct-9	THE STAR
7-Oct	Untung RM3 seliter RON95 yang diseludup ke Thailand - KPDN	https://www.bharian.com.my/ amp/berita/ nasional/2025/10/1454851/ untung-rm3-seliter-ron95-yang- diseludup-ke-thailand-kpdn	BERITA HARIAN

7-Oct	அண்மைய பதிவுகள்	https:// malaysiaindru.my/234031	MALAYSIA INDURU
7-Oct	KPDN Pahang gesa syarikat pengangkutan daftar SKPS untuk subsidi RON95	https://thesun.my/cerita/ berita/kpdn-pahang-gesa- syarikat-pengangkutan- daftar-skps-untuk-subsidi- ron95-KA15040802	THE SUN
7-Oct	KPDN Pahang minta syarikat pengangkutan darat awam, barangan segera daftar SKPS	https:// www.astroawani.com/berita- malaysia/kpdn-pahang- minta-syarikat- pengangkutan-darat-awam- barangan-segera-daftar- skps-541621?amp=1	ASTRO AWANI
7-Oct	KPDN PAHANG MINTA SYARIKAT PENGANGKUTAN DARAT AWAM, BARANGAN SEGERA DAFTAR SKPS	https://www.bernama.com/ radio/news.php? id=2475311	BERNAMA
7-Oct	Penyeludup mungkin guna MyKad penduduk sempadan seleweng Budi95	kosmo.com.my/2025/10/06/ penyeludup-mungkin-guna- mykad-penduduk- sempadan-seleweng- budi95/	KOSMO
7-Oct	傅芝雅巡视美人鱼岛销售点 确保必需品供应充足价格稳定	https:// sabah.sinchew.com.my/ news/20251006/ sabah/6923501	SIN CHEW
7-Oct	Satu liter petrol untung RM3	https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/10/1272162/ satu-liter-petrol-untung-rm3	HARIAN METRO

7-Oct	10 premis di Kelantan dikesan salah guna jenama Jualan Rahmah	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/10-premis-di-kelantan-dikesan-salah-guna-jenama-jualan-rahmah	RTM
7-Oct	Over 10 cases of Rahmah Sales label misuse reported in Kelantan	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/06/over-10-cases-of-rahmah-sales-label-misuse-reported-in-	THE STAR
7-Oct	Ten cooperatives, supermarkets in Kelantan warned over false Jualan Rahmah sales	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1288327/ten-cooperatives-supermarkets-kelantan-warned-over-false-jualan	NST